



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	02.08.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPSM			

# KeTSA akui beri kesan kepada flora, fauna

Kesan pembinaan Empangan Nenggiri perlu ditangani melalui pelbagai langkah kawalan dan kerjasama dengan pelbagai pihak

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**  
KUALA LUMPUR

**K**ementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) mengakui pembinaan empangan hidroelektrik Nenggiri di Gua Musang, Kelantan bakal memberi kesan kepada flora dan fauna serta penduduk Orang Asli di tiga perkampungan sekitarnya.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, tiga perkampungan itu adalah Kuala Wias, Pos Pulat dan Pos Tohoi yang mempunyai penduduk seramai 1,115 orang.

Sehubungan itu, beliau berkata, kesan atau impak tersebut perlu ditangani melalui pelbagai langkah kawalan dengan kerjasama rapat jabatan dan agensi kerajaan berkaitan.

Menurut Takiyuddin, pembinaan Projek Loji Janakuasa Hidroelektrik Nenggiri di Gua Musang, Kelantan yang berkapasiti 300 Megawatt (MW) akan diteruskan dan dibiayai serta dilaksanakan sepenuhnya oleh TNB Power Generation Sdn Bhd (TPGSB).

"Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan stesen jana kuasa hidroelektrik ini telah dimulakan sejak 1 Mac 2022 dan projek dijangka siap dan mula beroperasi pada 1 Jun



FOTO: BERNAMA

Takiyuddin ketika menjawab soalan pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen ke-14 bagi Dewan Rakyat pada Isnin.

2027.

"Dengan keluasan tasik takungan utama seluas 53.84 kilometer persegi, projek ini mampu membantu kerajaan negeri Kelantan mengurangkan kesan fenomena banjir besar yang kerap melanda negeri ini selain mengatasi isu perbekalan air bersih serta pengairan, selain membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan ketika pembinaannya dan pelbagai lagi potensi kegiatan ekonomi apabila ia siap kelak.

"Selain itu, pihak TPGSB telah memulakan kerja-kerja awalan pembangunan projek ini dengan memperolehi semua kelulusan yang diperlukan, antaranya Kajian Potensi Mineral, Kajian Penerimaan Awam dan Sosial, Kajian Impak Alam Sekeliling, Kajian Impak Sosial dan Kajian Impak Warisan," katanya ketika menjawab pertanyaan **Datuk Ramli Mohd Nor (BN-Cameron Highlands)** di Dewan Rakyat pada Isnin.

**PROJEK EMPANGAN NEGGIRI**

Menurut Takiyuddin, lebih 30 sesi libat urus bersama masyarakat setempat telah dilaksanakan termasuk anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang disertai para pemimpin komuniti Orang Asli di tapak projek empangan iaitu dari Pos Tohoi, Pos Pulat, Kampung Kuala Wias dan kumpulan Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan.

"Berdasarkan hasil Kajian Penerimaan Awam oleh Juruperunding yang dilantik, UKM Pakarunding Sdn Bhd pada tahun 2018, menunjukkan tahap penerimaan projek oleh penduduk di ketiga-tiga perkampungan meningkat kepada 80 peratus berbanding 69.5 peratus pada tahun 2015.

"Ini mencerminkan masyarakat terlibat telah memahami dengan jelas pembangunan yang akan berlaku di kawasan mereka dan manfaat yang akan diperolehi," ujar beliau.

# SH020822\_8

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia